

APMM nasihat tangguh aktiviti di laut

PASIR PUTEH - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan menasihatkan peminat aktiviti laut dan penduduk pesisir pantai menjangguhkan aktiviti mereka berikutan keadaan cuaca semasa yang mengakibatkan laut bergelora dan angin kencang.

Pengarah APMM negeri, Kepten Maritim Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, tindakan itu amaran angin kencang dan laut bergelora dieluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) sejak 8 Februari lalu.

"Kekuatan angin dianggarkan mencapai 50 hingga 60 kilometer sejam manakala ketinggian ombak dikatakan boleh mencecah antara 3.5 hingga 4.5 meter," katanya dalam satu kenyataan

semalam.

Menurutnya, situasi berkenaan boleh mengundang risiko kepada mereka yang menjalankan aktiviti di pinggiran pantai dan laut.

Katanya, APMM sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan dan melakukan pemantauan secara berkala.

"Jika ada keperluan yang mendesak untuk melaksanakan sebarang aktiviti di laut, mereka perlu mengambil langkah-langkah keselamatan dengan memakai jaket keselamatan selain memastikan alat perhubungan berfungsi dengan baik," katanya.

Beliau berkata, jika berlaku kecemasan mereka yang terlibat diminta melaporkan kepada pihak APMM atau talian kecemasan.



APMM ketika membuat tinjauan dalam kalangan nelayan di pesisir pantai Tok Bali baru-baru ini.